

Pengurangan subsidi diesel 'paksa' nelayan kurang ke laut

Harga ikan dijangka naik

Oleh KHAIRUL MOHD ALI
utusannews@mediamulia.com.my

09/05/2013 11:54

JOHOR BAHRU: Harga ikan dijangka meningkat dalam waktu terdekat ekoran jumlah nelayan yang keluar ke laut berkurangan susulan langkah kerajaan mengurangkan subsidi diesel sejak awal tahun ini.


Timbalan Presiden Persatuan Pembekal Ikan Malaysia, Tai Wai Sun berkata, tindakan kerajaan itu telah menjelaskan operasi nelayan bot kelas C dan B kerana penggunaan diesel dalam kalanngan kedua-dua kumpulan itu memang tinggi.

Katanya, setiap perjalanan menangkap ikan mengambil masa kira-kira lapan hari dan subsidi yang diberikan kerajaan hanya boleh menampung kira-kira dua hari perjalanan.

"Berikut itu, kita perlu membuat kiraan semula dan memutuskan untuk tidak turun ke laut pada 20 hingga akhir bulan ini bagi mengelak kehilangan beribu-ribu ringgit nilai minyak," katanya kepada ditemui selepas menghadiri Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-44 Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru, di Taman Daya, di sini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Iskandar, Datuk Pandak Ahmad.

Bermula 1 Januari lalu, subsidi diesel bagi bot kelas C telah dikurangkan daripada 20,000



TAI WAI SUN (duduk, kanan) menandatangani plak sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-44 Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru sambil disaksikan Pandak Ahmad di Taman Daya, Johor Bahru, semalam.

menjadi 17,000 liter manakala subsidi bot kelas B dikurangkan menjadi 12,000 liter berbanding 15,000 liter sebelum ini.

Wai Sun berkata, situasi berkenaan sudah tentu akan menyebabkan berlaku peningkatan harga ikan dalam pasaran ekoran kekurangan bekalan.

Dalam pada itu, beliau menggesa pembekal dan peniaga

menghentikan jualan ikan buntal ekoran beberapa kematian dilaporkan setelah orang ramai memakan ikan berkenaan.

"Kematian pasangan warga emas dari Kluang pada Mac lalu bukanlah kejadian pertama kerana terdapat juga kes serupa berlaku di Kulai, tahun lalu."

"Ikan buntal mengandungi bahan toksik yang mencukupi

untuk mendatangkan maut kepada seseorang apabila mereka tertelan bahan itu dalam jumlah serendah 25 miligram," jelasnya.

Pada 25 Mac lalu, pasangan suami isteri, Ng Chuan Sing @ Eng Kuai Sin, 84, dan isterinya, Lim Siew Guan, 83, maut selepas memakan ikan buntal goreng.